

Longgokan sampah haram cemarkan kawasan

UTUSAN MALAYSIA | 07 Ogos 2019 3:49 PM



JOHOR BAHRU 5 Ogos - Isu tapak pelupusan sampah haram seluas seluas 1.21 hektar di Taman Bukit Kempas di sini akan dibincangkan pada mesyuarat Exco pada hari ini untuk mengambil langkah proaktif menangani masalah tersebut dalam masa terdekat bagi membela nasib penduduk setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa dan Utiliti negeri, Jimmy Puah Wee Tse berkata, penduduk di kawasan terbabit menderita terpaksa menghidu asap hampir dua minggu disebabkan tapak pembuangan sampah haram tersebut terbakar pada bulan lalu.

Katanya, kerajaan negeri akan berhubung dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri dan semua agensi terlibat termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan bagi mencari punca masalah itu berlaku seterusnya mencari dalang serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

"Kita tidak boleh bertolak ansur dalam soal ini, walaupun sukar, kita akan cuba usaha untuk selesaikan dalam masa terdekat. Kita akan cari punca ia berlaku, siapa yang bertanggungjawab dalam soal ini disusuli tindakan undang-undang terhadap mereka.

"Saya percaya isu pembuangan sampah secara haram dan kilang berkemungkinan mempunyai kaitan dengan kilang yang mengutip barang kitar semula yang dipercayai beroperasi secara haram kerana di sini bukan kawasan industri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tanah persendirian yang terletak di penghujung Jalan Bukit Kempas 4/4, taman berkenaan dijadikan tempat pembuangan sampah haram sejak dua tahun lalu, sehingga kini masih mengeluarkan asap tebal hingga menimbulkan ketidakselesaan penduduk.